

Norazah harumkan nama UMS

118 31-1-2018 BF

LABUAN: Nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus dikenali di peringkat antarabangsa.

Ia direalisasikan apabila pembentangan Leftenan Kolonel (PA) Profesor Madya Dr Hajah Norazah Mohd Suki dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) yang sangat menyakinkan di 2nd Recent Research in Business and Technology Management International Conference (BIZTEM 2018) pada 5-7 Januari di Kota Kinabalu telah dinobatkan sebagai 'Pembentang Terbaik'.

Pembentangan kertas kerja beliau bertajuk 'Halal Cosmetic Products: Do Knowledge and Religiosity Affect Consumers' Attitude and Intention to Use?'

Dalam persidangan antarabangsa itu, beliau telah membentangkan hasil penyelidikan yang signifikan bahawa sikap adalah peramal yang paling kuat dalam mempengaruhi niat pengguna menggunakan produk kosmetik halal, di samping aspek pengetahuan dan religiositi.

Dengan mempunyai sikap positif terhadap produk kosmetik halal, pengguna sentiasa melihat label halal ketika membeli produk kosmetik.

Penggunaan produk kosmetik halal adalah amat penting bagi pengguna, teru-



NORAZAH (kanan) dinobatkan sebagai pembentang terbaik di 2nd Recent Research in Business and Technology Management International Conference (BIZTEM 2018).

tamanya apabila keputusan untuk menggunakannya

adalah atas pilihan mereka sendiri.